



**Datuk Zainal
Azwar Aminuddin**

Ketua Pegawai Eksekutif
TH Plantations Berhad

Tahun ini kami menasaskan untuk menghasilkan purata 22 tan BTS sehektar dan yakin jumlah itu dapat dicapai menerusi peningkatan pengeluaran kumpulan”

Tingkat pengeluaran

TH Plantations Berhad sasar 1.3 juta tan Buah Tandan Segar menjelang 2016

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

TH Plantations Berhad komited untuk meningkatkan pengeluaran Buah Tandan Segarnya (BTS) kepada 1.3 juta tan menjelang 2016 terutama disumbangkan oleh penanaman sawit di Sarawak.


Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zainal Azwar Aminuddin berkata, 44 peratus pengeluaran BTS disumbangkan oleh kawasan tanaman di Sarawak dan pihaknya menasaskan jumlah itu akan meningkat kepada 66 peratus menjelang 2017.

Katanya, setakat ini terdapat 52,000 hektar tanah TH Plantations di Sarawak dan menerusi pengambilalihan tanah dengan PT Persada Kencana Prima awal 2014 bank tanah Kumpulan telah mencapai 109,000 hektar.

“Tahun ini, kami memperuntukkan RM105 juta untuk perbelanjaan modal (Capex) dan sebahagiannya digunakan untuk perbelanjaan operasi pengeluaran termasuk pembangunan kilang pemprosesan sawit.

“Dari segi hasil perladangan pula, tahun ini kami menasaskan untuk menghasilkan purata 22 tan BTS sehektar dan yakin jumlah itu dapat dicapai menerusi peningkatan pengeluaran kumpulan,” katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan TH Plantations di sini, semalam.

Menurutnya, kumpulan merekodkan jumlah pendapatan tertinggi RM470 juta bagi tahun kewangan 2013 dengan peningkatan 25 peratus berbanding RM376 juta pada tahun sebelumnya,



biarpun berdepan dengan situasi penurunan harga minyak sawit mentah.

Zainal berkata, untung selepas cukai kumpulan pula berjumlah RM76.5 juta meningkat 15 peratus.

Sementara itu, beliau berkata, fenomena El-Nino dijangka memberi kesan kepada pengeluaran minyak sawit mentah menjelang 2015 dan tahun seterusnya.

“Kami jangka jika fenomena El-Nino melanda bagi tempoh yang panjang, ia akan memberi impak antara 10 hingga 15 peratus kepada

“Dari segi hasil perladangan kami menasaskan untuk menghasilkan purata 22 tan BTS sehektar dan yakin jumlah itu dapat dicapai menerusi peningkatan pengeluaran kumpulan”

Zainal

penurunan pengeluaran bagi 2015 dan 2016,” katanya.

Fenomena El-Nino yang mengakibatkan peningkatan suhu dan taburan hujan berkemungkinan besar melanda dunia pada pertengahan tahun ini dijangka bermula antara Jun hingga Ogos depan.

Impak El-Nino kepada negara secara umumnya boleh menyebabkan pengurangan jumlah hujan terutama di Sabah dan Sarawak selain mengakibatkan cuaca menjadi lebih panas serta kering.